

Terma & Syarat Peningkatan Had Kekal

Dengan mengklik 'Hantar Sekarang', saya telah membaca, memahami, bersetuju dengan Pengisytiharan serta Terma dan Syarat untuk Peningkatan Had Kekal dan memberikan persetujuan saya untuk mendapatkan data biro. Semua maklumat yang telah atau akan saya berikan dalam borang ini kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd ((No. Pendaftaran 199301017069 (271809-K)) ("UOB" atau "Bank") adalah benar, tepat dan lengkap. Saya akan menghubungi UOB untuk mengemas kini semua maklumat jika terdapat sebarang perubahan sebelum menghantar permohonan ini.

Pengisytiharan serta Terma dan Syarat untuk Peningkatan Had Kekal

(1) saya faham dan mengakui bahawa permohonan ini adalah untuk Peningkatan Had Kekal dalam Kad saya dan tertakluk kepada kelulusan UOB. Semua perkara berkaitan dengan permohonan saya (termasuk kelulusan Peningkatan Had Kekal) akan tertakluk kepada budi bicara UOB mengikut dasarnya dan garis panduan Bank Negara Malaysia. Saya faham bahawa saya boleh membuat perubahan pada had kredit saya kemudian dengan menghubungi UOB melalui uobcustomerservice@uob.com.my atau bantuan UOB Chat di www.uob.com.my/personal/chat.page

(2) saya mengesahkan bahawa saya telah dimaklumkan dan saya faham sepenuhnya bahawa mengikut garis panduan Bank Negara Malaysia yang sedia ada, jika pendapatan tahunan saya ialah RM36,000 atau kurang, saya hanya boleh memegang kad kredit sebagai Ahli Kad Prinsipal daripada maksimum dua (2) penerbit kad kredit ("Sekatan Penerbit Maksimum").

Saya mengisytiharkan bahawa selagi Sekatan Penerbit Maksimum masih berkuat kuasa terhadap saya:

- (a) Saya hanya akan memiliki kad kredit daripada maksimum dua (2) syarikat penerbit kad kredit (termasuk Bank ini); dan
- (b) Jika saya merupakan Ahli Kad Prinsipal UOB yang sedia ada atau baharu yang memegang kad kredit lebih daripada 2 penerbit kad kredit (termasuk UOB), saya faham bahawa had kredit maksimum tidak boleh melebihi dua kali ganda daripada pendapatan bulanan saya bagi setiap penerbit kad kredit.

(3) saya mengisytiharkan, mengakui, bersetuju dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang saya berikan atau yang akan diberikan dalam borang ini kepada UOB adalah benar, tepat dan lengkap. Saya akan menghubungi UOB untuk mengemas kini semua maklumat jika terdapat sebarang perubahan sebelum menyerahkan permohonan ini.



(4) saya memahami dan mengakui bahawa UOB akan menjalankan pemeriksaan kredit yang diperlukan ke atas saya dan untuk memproses (termasuk tetapi tidak terhad kepada mendedahkan, mengumpul, menggunakan, menyimpan, memindahkan dan berkongsi) data/maklumat yang diperolehi mengikut bahagian "Pendedahan" di bawah Perjanjian Ahli Kad UOB Visa/Mastercard.

(5) Saya faham dan mengakui bahawa apabila diluluskan, peningkatan had kredit akan dipaparkan dalam Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) atau mana-mana biro kredit yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia.

(6) saya memahami dan mengakui bahawa peningkatan had kredit saya juga akan menjadi peningkatan had kredit pemegang kad tambahan saya (untuk had dikongsi). Oleh itu, arahan lanjut saya kepada Bank akan diperlukan jika saya tidak mahu berkongsi had kredit dengan pemegang kad tambahan saya.

(7) saya mengesahkan bahawa saya tidak mempunyai sebarang permohonan yang sedang diproses untuk (i) peningkatan had sementara (ii) permohonan kad kredit UOB tambahan (iii) permohonan penukaran kad kredit UOB dan/atau (iv) permohonan berkaitan kad kredit UOB lain ("Permohonan Sedang Diproses") yang masih menunggu kelulusan daripada UOB, sebelum permohonan peningkatan had kekal ini. Saya faham bahawa permohonan peningkatan had kekal saya tidak akan diproses jika saya masih mempunyai sebarang permohonan yang sedang dalam proses.

(8) Saya faham bahawa UOB akan mengambil sekurang-kurangnya empat belas (14) hari perniagaan untuk memproses, tertakluk kepada penerimaan permohonan lengkap saya oleh UOB bersama dokumen pendapatan yang lengkap. Pemrosesan mungkin tertangguh jika pengisytiharan saya tidak tepat; dokumen pendapatan tidak lengkap atau memerlukan penjelasan lanjut.

Terma di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Ahli Kad UOB Visa/Mastercard. Sila rujuk terma dan syarat kad kredit UOB di www.uob.com.my/personal/cards/credit-cards-terms.page untuk terma dan syarat lanjut berkaitan had kredit.

Nota Penting

Untuk senarai penuh dan terperinci caj dan Notis Privasi kami, sila layari laman web kami www.UOB.com.my dan www.uob.com.my/default/privacy-policy.page

